

KHUTBAH JUMAAT

“MEREBUT KELEBIHAN 10 HARI TERAKHIR RAMADAN” (21 Mac 2025M/ 20 Ramadan 1446H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الذِّي جَعَلَ لِصِيَامِ رَمَضَانِ أَجْرًا كَرِيمًا، وَأَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْءَانَ كِتَابًا عَظِيمًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، كَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَوُوفًا رَّحِيمًا. اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Hindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Merebut Kelebihan 10 Hari Terakhir Ramadan**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kini, kita telah berada pada permulaan 10 hari terakhir Ramadan. Ini

bermakna, hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi peluang untuk kita meraih sebanyak mungkin kelebihan dan fadilat yang dikurniakan pada bulan yang mulia ini. Dalam tempoh terakhir ini, terdapat satu malam yang dinamakan Lailatul Qadar. Ganjaran pahala beribadah pada malam itu menyamai pahala seribu bulan. Kelebihan malam tersebut telah dinyatakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qadar, ayat 1 hingga 5:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ الْقَدْرِ (١) وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ (٢) لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ (٣) تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ (٤) سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ (٥)

Maksudnya : Sesungguhnya kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam Lailatul Qadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut). Sejahteralah malam (yang barakah) itu hingga terbit fajar!

Terdapat beberapa pandangan ulama yang menjelaskan hikmah Allah *subhanahu wata'ala* menganugerahkan Lailatul Qadr buat umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*. Menurut Imam Malik *rahimahullah*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* melihat umur umatnya tidak sepanjang umat sebelum mereka. Baginda

sallallahu alaihi wasallam bermohon kepada Allah *subhanahu wata'ala* memberikan peluang supaya umatnya dapat beramal dengan nilai yang sama dengan amalan umat sebelum mereka. Sebab itu Allah *subhanahu wata'ala* menawarkan malam *al-Qadar* yang mempunyai nilai pahala melebihi seribu bulan.

Malam Lailatul Qadar adalah malam untuk kita melipatgandakan amal ibadah dan mengumpul sebanyak-banyaknya pahala sebagai bekalan untuk kehidupan akhirat kelak. Sedangkan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sendiri menanti-nanti malam tersebut dan melipatgandakan amalannya, inikan pula kita sebagai hamba yang tidak sunyi daripada dosa dan sedikit pula amalnya. Dalam sebuah hadis ada dinyatakan bahawa Sayyidatina Aisyah *radiallahu anha* berkata :

«كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِئَرَةً وَأَحْيَا لَيْلَةً وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ»

Maksudnya : Adalah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* apabila masuk sepuluh malam terakhir Ramadan, baginda tidak menggauli para isterinya, menghidupkan malam dan membangunkan ahli keluarganya (untuk beribadat).

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Lailatul Qadar adalah malam yang dianugerahkan kepada umat Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* dan tiada siapa yang tahu bila berlakunya malam tersebut. Walaupun begitu, Baginda *sallallahu*

alaihi wasallam menasihatkan umatnya supaya sentiasa memperbanyak dan mempertingkatkan amal ibadah khususnya pada malam-malam ganjil pada sepuluh hari terakhir Ramadan. Sabda Baginda *sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sebuah hadis sahih riwayat Imam al-Bukhari :

((تَحْرُّوْ لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ))

Maksudnya : Carilah malam *Lailatul Qadar* pada malam ganjil sepuluh terakhir Ramadan.

Justeru, langkah terbaik supaya kita tidak terlepas peluang keemasan malam tersebut hendaklah kita terus beristiqamah melakukan amal ibadah seperti mengadakan qiamullail, tadarus al-Quran, beriktfikaf di masjid-masjid, memperbanyakkan zikir-zikir, menghadiri majlis ilmu ataupun tazkirah Ramadan. Kita juga digalakkan untuk banyak berdoa terutamanya doa yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah *radiallahu anha* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi *rahimahullah* yang berbunyi:

((قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ إِنْ عَلِمْتُ أَيْ لَيْلَةً الْقَدْرِ مَا أَقُولُ فِيهَا
قَالَ قُولِي اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي))

Maksudnya: Saya pernah bertanya kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* : "Seandainya saya mengetahui *Lailatul Qadar* dengan tepat, apa yang patut saya akan mohon (doa) pada saat itu. Baginda menjawab ((Berdoalah dengan doa berikut: "Ya Allah Ya Tuhaniku, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan sentiasa

memberi keampunan atas kesalahan hamba-Mu, oleh itu maafkanlah segala kesalahanku).

Kaum muslimin yang berbahagia,

Dalam merebut ganjaran pada akhir Ramadan ini, janganlah berlengah atau lupa untuk menunaikan zakat fitrah. Setiap individu muslim adalah wajib mengeluarkan zakat fitrah, untuk dirinya dan orang yang dalam tanggungannya, dengan syarat ia mempunyai lebih makanan, atau harta, daripada keperluan dirinya dan tanggungannya, pada malam dan pagi hari raya.

Bagi anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada hari terakhir Ramadan, dan berterusan hidup selepas terbenam matahari, wajib dikeluarkan zakat fitrah baginya. Begitu juga halnya dengan orang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari pada hari terakhir Ramadan, dan orang yang memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada hari berkenaan dan berkekalan Islamnya sehingga terbenam matahari pada hari yang sama.

Bagi umat Islam di Sarawak, nilai zakat fitrah yang perlu diserahkan kepada amil-amil yang telah dilantik oleh Majlis Islam Sarawak pada tahun 1446 hijriah ini, ialah RM7.50 seorang. Semoga ibadat zakat yang ditunaikan bukan sahaja dapat menggembirakan golongan fakir miskin, bahkan dapat juga memberatkan timbangan amal kebajikan kita, ketika kita ditimbang di Padang Mahsyar kelak.

Berkaitan dengan hal ini, Allah *subhanahu wata'ala* menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda bagi orang yang menunaikan

zakat, dengan niat yang ikhlas semata-mata mengharapkan keredaan Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud:

“Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, bersempena dengan sambutan Hari Polis kali ke-218, marilah kita bersama-sama mendoakan agar pasukan Polis Diraja Malaysia sentiasa mendapat perlindungan dan limpahan rahmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Kita sebagai masyarakat hendaklah saling bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara yang tercinta ini.

Mengakhiri khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Umat Islam hendaklah meyakini segala balasan baik telah dijanjikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh.

Kedua: Umat Islam dinasihatkan agar tidak lalai dengan kesibukan membuat persiapan hari raya hingga lupa untuk mempertingkatkan amal soleh sebagai bekalan untuk kehidupan akhirat kelak.

Ketiga: Umat Islam wajib mengeluarkan zakat fitrah dan meneruskan bersedekah demi mendapat ganjaran yang besar dari Allah *subhanahu wata'ala*.

Mudah-mudahan Ramadan yang kita tempuh tahun ini, akan menjadi titik perubahan dalam diri kita, menjadi insan bertaqwa dan diredayai Allah *subhanahu wata'ala* di dunia dan di akhirat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah at-Taubah, ayat 105:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرِي اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُونَ إِلَى عِلْمِ
الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلٰهٌ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan Ramadan ini, marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu dan solat sunat tarawih serta witir secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan juadah berbuka kita dan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلَيِّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa menganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dada. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Ya Allah ! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, ya Allah.

رَبَّنَا أَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةِ.